Perlembagaan Persatuan

Perkara 1 : Tujuan Persatuan

1.

1.1. Menjaga kebajikan para pelajar tajaan MARA di Germany.

1.2. Menggalakkan semangat permuafakatan antara para pelajar

1.3. Menyampaikan maklumat-maklumat terkini daripada pihak-pihak seperti MARA, MGSS, InWent, Kedutaan Malaysia kepada para pelajar dengan berkesan.

1.4. Memberi maklum balas mengenai masalah-masalah kebajikan para pelajar kepada pihak MARA.

Perkara 2 : Konsep Autonomi

2.

2.1. Adalah dipersetujui bahawa persatuan ini adalah sebuah persekutuan yang terdiri daripada bandar-bandar di mana terdapatnya pelajar-pelajar MARA yang menjalani pengajian.

2.2. Konsep autonomi adalah satu konsep autonomi di mana pentadbiran pusat persatuan dengan pentadbiran setiap bandar diasingkan sepenuhnya.

2.3. Ahli Jawatankuasa pusat tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran bandar.

2.4. Ketua Bandar mempunyai kuasa dan bertanggungjawab penuh dalam pentadbiran bandar yang dipimpin.

2.5. Ketua Bandar tidak dibenarkan campurtangan dalam urusan ahli jawatankuasa pusat mahupun pentadbiran bandar-bandar lain.

2.6. Konsep autonomi ini hendaklah dipatuhi pada setiap masa.

Perkara 3 : Pemilihan dan Skop Tanggungjawab Ketua Bandar

3.

3.1. Ketua Bandar dipilih oleh pelajar-pelajar tajaan MARA di bandar tersebut melalui pungutan suara ramai.

3.2. Ketua Bandar bertanggungjawab penuh terhadap kebajikan para pelajar bawah kepimpinan beliau.

3.3. Ketua Bandar bertanggungjawab membantu para pelajar yang baru tiba unutk memulakan pengajian untuk menyesuaikan diri.

3.4. Ketua Bandar bertanggungjawab menyampaikan masalah yang disuarakan oleh para pelajar kepada Presiden yang seterusnya akan memaklumkan pihak-pihak yang berkenaan seperti MARA.

3.5. Ketua Bandar bertanggungjawab memaklumkan kepada para pelajar mengenai sebarang berita, informasi atau perubahan polisi MARA yang diterima melalui presiden.

3.6. Ketua Bandar bertanggungjawab mengutip yuran persatuan daripada para pelajar yang seterusnya akan disampaikan kepada Bendahari untuk proses selanjutnya.

3.7. Ketua Bandar diwajibkan memilih pengganti beliau pada akhir penggal melalui pungutan suara ramai atau menamakan seorang pengganti apabila beliau terpaksa mengosongkan jawatan pada pertengahan penggal atas sebab yang tidak boleh dielakkan seperti beliau bakal menjalani „Praktikumsemester“.

3.8. Ketua Bandar bertanggungjawab mengadakan pungutan suara ramai/pilihanraya untuk pemilihan AJK pusat pada peringkat bandar.

3.9. Ketua Bandar mempunyai hak untuk membetuk AJK bandar beliau sendiri.

3.10. Ketua Bandar bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan tugas yang diberi oleh AJK pusat tepat pada masa yang ditetapkan

3.11. Ketua Bandar berperanan untuk memelihara keharmonian antara ahli-ahli kepimpinan beliau.

3.12. Ketua Bandar tidak dibenarkan campurtangan dalam hal-ehwal bandar lain.

Perkara 4 : Pemilihan dan Skop Tanggungjawab Presiden

4.

4.1. Presiden dipilih daripada kalangan Ketua-Ketua Bandar baru dalam mesyuarat yang akan diadakan sejurus selepas pemilihan Ketua-Ketua Bandar. Mesyuarat ini dianggotai oleh Ketua-Ketua Bandar yang baru dipilih dan bekas Ketua-Ketua Bandar.

4.2. Penjawat Presiden hendaklah jelas dan mampu membezakan tugas beliau sebagai Ketua Bandar dan tugas beliau sebagai Presiden persatuan.

4.3. Presiden akan menjadi wakil persatuan untuk menghadiri majlis-majlis rasmi.

4.4. Presiden akan menjadi orang pengantara antara persatuan dengan pihak-pihak seperti MARA, MGSS, InWent dan Kedutaan.

4.5. Presiden bertanggungjawab mengagihkan tugas-tugas pentadbiran pusat kepada ahli-ahli jawatankuasa pusat.

4.6. Memantau dan memastikan supaya kerja-kerja pentadbiran pusat berjalan lancar dan mengikut masa yang ditetapkan.

4.7. Presiden berhak melantik calon untuk mengisi jawatan Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Informasi sekiranya jawatan-jawatan tersebut dikosongkan sebelum akhir penggal.

4.8. Presiden bertanggungjawab memastikan supaya persatuan dikendalikan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam perlembagaan.

4.9. Presiden tidak bertanggungjawab dalam hal ehwal bandar lain selain bandar kepimpinan beliau.

Perkara 5 : Pemilihan dan Skop Tanggungjawab Setiausaha Agung

5.

5.1. Setiausaha Agung dipilih melalui pungutan suara ramai oleh semua ahli persatuan.

5.2. Setiausaha Agung akan menjadi wakil persatuan untuk menghadiri majlis-majlis rasmi.

5.3. Setiausaha Agung bertanggungjawab merekodkan segala arahan yang dikeluarkan oleh Presiden kepada Ketua-Ketua Bandar dan AJK pusat.

5.4. Setiausaha Agung mempunyai kuasa untuk membentuk AJK kecil beliau sendiri.

5.5. Setiausaha Agung bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran pusat seperti membuat minit mesyuarat pusat, menyediakan laporan aktiviti dan

laporan tahunan dan mengumpul dokumen-dokumen pelajar daripada Ketua-Ketua Bandar.

5.6. Setiausaha Agung bertanggungjawab menjalankan pengiraan undi peringkat akhir (pusat) untuk pemilihan AJK pusat baru.

Perkara 6 : Pemilihan dan Skop Tanggungjawab Bendahari

6.

6.1. Bendahari dipilih melalui pungutan suara ramai oleh semua ahli persatuan.

6.2. Bendahari bertanggungjawab dalam menguruskan kewangan persatuan.

6.3. Bendahari bertanggungjawab dalam menyediakan laporan kewangan persatuan.

6.4. Bendahari tidak bertanggungjawab dalam kerja kutipan yuran.

6.5. Bendahari mempunyai kuasa untuk membentuk AJK kecil beliau sendiri.

Perkara 7 : Pemilihan dan Skop Tanggungjawab Ketua Informasi

7.

7.1. Ketua Informasi dipilih melalui pungutan suara ramai oleh semua ahli persatuan.

7.2. Ketua Informasi bertanggungjawab dalam menyebarkan secara umum sebarang berita persatuan dan maklumat-maklumat terkini.

7.3. Ketua Informasi bertanggungjawab dalam pengurusan laman web rasmi persatuan.

7.4. Bertanggungjawab menyebarkan informasi yang diterima dr pusat ke ahli bandar.

7.5. Ketua Informasi mempunyai kuasa untuk membentuk AJK kecil beliau sendiri.

7.6. Ketua Informasi adalah penyimpan Perlembagaan Persatuan dan Salasilah Persatuan. Ketua Informasi bertanggungjawab dalam mengemaskini Salasilah Persatuan pada akhir penggal.

Perkara 8 : Pilihanraya Persatuan, Kelayakan Calon dan Tempoh Masa Memegang Jawatan

8.

8.1. Setiap penggal bermula pada 1 Januari setiap tahun dan berakhir pada 31 Disember pada tahun yang sama.

8.2. Pemilihan Ketua Bandar baru hendaklah dijalankan dan diselesaikan sebelum 11 November pada akhir setiap penggal. Kepimpinan Ketua Bandar baru hanya akan berkuatkuasa pada 1 Januari tahun berikutnya.

8.3. Pemilihan Ketua Bandar baru akan dijalankan melalui pungutan suara ramai oleh ahli-ahli bandar masing-masing. Pemilihan Ketua Bandar baru ini adalah di bawah kendalian Ketua Bandar yang bakal tamat penggal.

8.4. Calon Ketua Bandar dibuka kepada sesiapa yang telah menjalani pengajian tidak melebihi dua tahun setengah (5 semester) Pelajar yang sedang belajar dalam semester kelima pada waktu pilihanraya dibenarkan bertanding .

8.5. Ketua Bandar dibenarkan bertanding semula sekiranya beliau masih memenuhi kelayakan yang ditetapkan.

8.6. Pemilihan Presiden akan dijalankan sebaik sahaja semua bandar selesai memilih bakal Ketua Bandar masing-masing.

8.7. Pemilihan Presiden akan dijalankan dalam satu mesyuarat yang disertai oleh semua Ketua Bandar lama dan semua bakal Ketua Bandar. Presiden akan dipilih daripada kalangan Ketua-Ketua Bandar yang baru dipilih. Kepimpinan Presiden baru hanya akan berkuatkuasa pada 1 Januari tahun berikutnya.

8.8. Mesyuarat pemilihan presiden perlu dijalankan dalam masa seminggu selepas pemilihan Ketua-Ketua Bandar.

8.9. Dalam mesyuarat yang sama, jemaah mesyuarat juga akan menentukan 3 calon untuk setiap jawatan AJK pusat iaitu Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Informasi.

8.10. Pemilihan untuk AJK pusat (Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Informasi) hendaklah dijalankan dan diselesaikan sebelum 1 Disember setiap tahun.

8.11. Pemilihan ini akan dijalankan pada peringkat bandar dan dikendalikan oleh Ketua Bandar lama dengan bantuan bakal Ketua Bandar.

8.12. Keputusan pemilihan akan dihantar kepada Setiausaha Agung untuk pengiraan peringkat akhir (pusat).

8.13. Keputusan pemilihan hendaklah diumumkan secepat mungkin sebaik keputusan pemilihan diperolehi.

8.14. Tempoh bertugas Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Informasi hanya akan berkuatkuasa bermula pada 1 Januari.

8.15. Jawatan wakil bandar diwujudkan di bandar-bandar yang berpayung di bawah kepimpinan MGSS. Proses pemilihan wakil-wakil bandar ini sama dengan pemilihan Ketua Bandar.

Perkara 9 : Majlis Penasihat

9.

9.1. Semua bekas Ketua Bandar, Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Informasi secara automatik menjadi ahli Majlis Penasihat selepas melepaskan jawatan masing-masing.

9.2. Majlis Penasihat ini akan menjadi pihak rujukan kepimpinan yang sedia ada.

9.3. Majlis ini juga boleh berfungsi sebagai platform untuk ahli-ahli/pelajar menyuarakan sebarang aduan

9.4. Majlis ini tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak berhak mengeluarkan arahan kepada kepimpinan persatuan.

9.5. Keanggotaan Majlis tidak mempunyai had masa.

9.6. Keanggotaan Majlis yang pertama akan terdiri daripada bekas Presiden, Setiausaha dan Ketua-Ketua Bandar MaraKumpel dan ahli-ahli Perhimpunan Khas Pemimpin-Pemimpin Pelajar Tajaan MARA di Germany 2007.

9.7. Komitmen ahli Majlis terhadap Majlis adalah tidak wajib dan terpulang kepada keputusan masing-masing.

Perkara 10 : Keahlian Persatuan

10.

10.1. Semua pelajar tajaan MARA di Germany akan secara automatik menjadi ahli persatuan.

10.2. Komitmen ahli terhadap persatuan adalah atas keputusan dan kesedaran pelajar tersebut sendiri.

Perkara 11: Polisi Hubungan Persatuan Dengan MGSS

11.

11.1. Persatuan secara umumnya akan bernaung di bawah MGSS.

11.2. Kepimpinan Persatuan bertanggungjawab pada setiap masa memelihara hubungan baik dengan pihak MGSS.

11.3. Kepimpinan Persatuan bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan sepenuhnya dengan pihak MGSS dalam perkara-perkara yang melibatkan kebajikan para pelajar.

11.4. Ahli-ahli persatuan tidak diwajibkan menyertai MGSS.

11.5. Presiden akan menjadi wakil persatuan ke MGSS.